

# Segera tubuh tribunal antarabangsa

**B**aru-baru ini, Malaysia mengedarkan draf resolusi kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menubuhkan sebuah tribunal antarabangsa menyasat serta membicarakan tragedi tembak jatuh pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 pada 17 Julai 2014 di wilayah timur Ukraine yang mengorbankan 298 nyawa termasuk 43 rakyat Malaysia.

## Kenal pasti dalam kejadian MH17

Menurut salinan draf resolusi, Malaysia menggesa PBB mewujudkan tribunal antarabangsa mengikut peraturan Bab 7 Piagam PBB yang membolehkan dalam kejadian dikenali, didakwa serta dikenakan tindakan dan hukuman sewajarnya mengikut undang-undang antarabangsa sedia ada.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyifatkan kejadian berkenaan sebagai 'satu hari penuh tragik untuk tahun yang tragik buat Malaysia.'

Majlis Keselamatan PBB akan berbincang serta membuat keputusan pada bila-bila

masa mengenai cadangan draf resolusi terbabit untuk diterima atau tidak. Cadangan draf resolusi itu perlu mendapat sokongan penuh bukan sahaja daripada semua anggota badan berkenaan, malah semua negara dunia kerana insiden itu adalah kejadian jenayah tidak berperikemanusiaan serta mengancam keselamatan dan keamanan antarabangsa.

Penubuhan tribunal antarabangsa juga membawa mesej jelas bahawa masyarakat antarabangsa tidak sesekali berkompromi dengan sebarang tindakan yang boleh membahayakan masyarakat awam, mengancam keamanan dunia dan keselamatan antarabangsa. Sebarang tindakan menghalang draf resolusi terbabit akan dipandang serong semua pihak serta boleh menjejaskan hubungan diplomatik sedia ada antara negara terbabit dengan insiden itu.

## Hukuman kepada pihak bertanggungjawab

Tribunal itu perlu ditubuhkan segera bagi menyasat serta mengenal pasti dalam di sebalik kejadian dengan segera serta mengenakan hukuman sewajarnya kepada pihak bertanggungjawab.

Walaupun Russia yang mempunyai kuasa veto dalam Majlis Keselamatan tidak memberi persetujuan terhadap draf resolusi terbabit, semua negara khususnya Malaysia perlu meneruskan usaha menyasat insiden berkenaan dengan segera serta mengambilkira tindakan undang-undang

terhadap pihak didapati bersalah serta menegakkan keadilan kepada semua mangsa.

Sekiranya Russia atau mana-mana negara Majlis Keselamatan PBB masih berkeras ingin menggunakan kuasa veto terhadap draf resolusi dihantar, Malaysia bersama negara terbabit dalam insiden itu seperti Australia, Belgium, Belanda dan Ukraine perlu berbincang serta mencari alternatif membawa kes berkenaan ke muka pengadilan.

Antara pilihan lain adalah dengan membawa perkara terbabit ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC). Kerajaan Ukraine boleh bersetuju membawa perkara terbabit ke ICC atau Majlis Keselamatan PBB boleh merujuk insiden itu sendiri kepada ICC.

Walau apa pun langkah penting ialah insiden melibatkan pesawat MH17 disiasat dengan teliti serta dengan segera. Tindakan perlu diambil terhadap pihak bertanggungjawab serta keadilan terhadap 298 mangsa.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Universiti Sains Islam Malaysia

## FORUM

Pembaca yang ingin  
menyuarakan  
pandangan berhubung  
isu semasa boleh  
menghantar sumbangan  
menerusi e-mel:  
**bhforum@  
bharian.com.my**